

## POLISI YURAN SEKOLAH ISLAM HIDAYAH

- 1 Kaedah bayar yuran adalah melalui aplikasi **FPX SenangPay SAHAJA**. Layari <https://my20.awfatech.com/hidayahjb/> Bayar dan cetak resit bayaran di "**FEE PAYMENT**".
- 2 **Bayaran pendaftaran sesi baru :**
  - 2.1 **Murid lama**
    - 2.1.1 Bayar Yuran Persekolahan, Yuran PIBG dan Yuran Pengajian (**minima 1 bulan untuk warganegara dan 3 bulan untuk bukan warganegara**) selewatnya pada 25<sup>hb</sup> Februari 2024, atau 14 hari sebelum sesi baru bermula. Kegagalan berbuat demikian, nama murid tidak didaftarkan ke dalam senarai kelas (**Rujuk surat Bayaran pendaftaran sesi baru jika ada perubahan tarikh**)
    - 2.1.2 Murid yang tidak selesai bayaran yuran sesi semasa tidak dibenarkan membayar dan bersekolah untuk sesi baru serta boleh dikenakan tindakan undang-undang.
  - 2.2 **Murid baru**
    - 2.2.1 Bayaran Yuran (Persekolahan dan PIBG) dan Yuran Pengajian (**minima 1 bulan untuk warganegara dan 3 bulan untuk bukan warganegara**) perlu diselesaikan sebelum hari pendaftaran seperti yang dinyatakan dalam surat **Tawaran Kemasukan**. Kegagalan berbuat demikian, nama murid tidak didaftarkan ke dalam senarai kelas.
- 3 **Yuran Pengajian** hendaklah dibayar secara pukat setahun/sesi, walau bagaimanapun:
  - 3.1 **Murid warganegara**
    - 3.1.1 Dibenarkan membayar secara bulanan, bayar yuran **bulan kedua** dan seterusnya **mulai bulan pertama sesi baru** persekolahan tanpa tertunggak, selewatnya pada 10hb.
    - 3.1.2 **Diskaun** diberikan kepada murid **SRIH (JB) dan SMIH (JB)** yang membayar yuran **setahun/sesi selewatnya** pada **31 Mac 2024**.
  - 3.2 **Murid bukan warganegara**
    - 3.2.1 Dibenarkan membayar yuran secara bulanan tetapi **sentiasa 3 bulan awal**. Bayar yuran **bulan keempat** dan seterusnya **mulai bulan pertama sesi baru** persekolahan tanpa tertunggak selewatnya pada 10hb.
- 4 **Yuran Tertunggak** (rujuk 2.1.1, 2.2.1, 3.1.1 dan 3.2.1). Tindakan lanjut adalah seperti berikut :
  - 4.1 **Satu** bulan tertunggak - Peringatan melalui **SMS**.
  - 4.2 **Dua** bulan tertunggak - Peringatan melalui **SMS** supaya membuat bayaran dalam tempoh 7 hari. Jika **tiada bayaran** yang dibuat, **minimum 2 bulan, notis tahan murid** melalui **surat, SMS** dan **emel** akan dihantar dengan memberi tempoh 7 hari sebelum penahanan sebenar dibuat. Kes hutang tertunggak akan/boleh diserahkan kepada peguam jika perlu.
  - 4.3 Jika ibu bapa/penjaga ingin **memberhentikan persekolahan** anaknya **kerana tunggakan yuran**, dokumen yang berkaitan seperti **Sijil Berhenti Sekolah** dan **dokumen yang berkaitan tidak akan dikeluarkan** sehingga **tunggakan yuran selesai**.
  - 4.4 Bagi kes penahanan murid (rujuk 4.2) dan permohonan berhenti (rujuk 4.3), **cara penyelesaian** hanyalah dengan **membayar penuh tunggakan** yuran.
  - 4.5 **Notis peringatan terakhir** untuk tahun semasa akan dikeluarkan **selewatnya pada minggu kedua Disember atau 2 bulan** sebelum sesi baru persekolahan bermula.
- 5 **Pembatalan** kemasukan atau pendaftaran atau urusan keluar sekolah adalah seperti berikut :
  - 5.1 Sebelum sesi persekolahan bermula,
    - 5.1.1 Yuran Kemasukan tidak dikembalikan.
  - 5.2 Setelah sesi persekolahan bermula,
    - 5.2.1 Yuran Kemasukan dan Yuran Pendaftaran tidak akan dikembalikan.
    - 5.2.2 Yuran selain di 5.2.1 akan dikembalikan mengikut sesi persekolahan, kecuali Yuran PIBG.
  - 5.3 Murid yang masuk atau keluar di mana-mana hari di pertengahan kedua bulan perlu membayar setengah daripada Yuran Pengajian yang sepatutnya dibayar pada bulan tersebut.
  - 5.4 Sekiranya murid berhenti setelah **tamat silibus**, atau **selepas** mengambil **peperiksaan akhir tahun (PAT)** atau peperiksaan utama (**PPSR**), baki **Yuran Pengajian tahun/sesi semasa** perlu diselesaikan.
  - 5.5 Jika berhenti dari Sekolah Islam Hidayah Johor Bahru kerana berpindah ke Sekolah Islam Hidayah Batu Pahat atau sebaliknya, bayaran yuran adalah seperti berikut:

5.5.1 Yuran Kemasukan dan Yuran PIBG perlu dibayar penuh, manakala Yuran Pendaftaran tidak perlu bayar.

5.5.2 Yuran Kokurikulum, Yuran Kurikulum dan Yuran Pengajian perlu dibayar mengikut tarikh kemasukan baharu.

6 **Murid yang sakit dan cuti berpanjangan atau tangguh belajar** (cuti sendiri), tetapi masih berminat untuk meneruskan persekolahan samada pada sesi semasa atau seterusnya, Yuran Pengajian perlu dibayar seperti biasa. Jika sebaliknya, murid perlu berhenti dan mendaftar baru jika ingin kembali ke sekolah (tertakluk kepada kekosongan tempat belajar)

#### 7 **Yuran asrama** (SMIH JB/BP)

7.1 Murid yang ada tunggakan yuran (samada yuran asrama atau yuran pengajian atau yuran persekolahan), tidak layak mohon tinggal di asrama.

7.2 Yuran asrama hendaklah sentiasa dibayar 3 bulan awal/kehadapan.

7.3 Bagi murid yang ingin menumpang asrama, perlu membayar yuran asrama sebelum masuk ke asrama.

7.4 Kadar yuran tumpang asrama adalah seperti berikut (dibundarkan) :

7.4.1 Kadar harian = (Kadar bulanan / 30 hari) x 1.5

7.4.2 Kadar sebulan / tumpang asrama melebihi 15 hari = Kadar sebulan x 1.25 (ada peruntukkan makanan walaupun telah tidak tumpang asrama dalam tempoh tersebut)

7.4.3 **Tumpang Khas Asrama** untuk murid SPM = Tahunan (RM50) + Kadar bulanan semasa

7.5 Jika keluar asrama :

7.5.1 Setelah sesi persekolahan bermula :

7.5.1.1 Tahunan Asrama akan dikembalikan mengikut sesi persekolahan

7.5.1.2 Yuran Asrama : Murid yang masuk atau keluar asrama di mana-mana hari di pertengahan kedua bulan perlu membayar **50%** Yuran Bulanan Asrama.

7.5 Murid asrama yang keluar asrama selepas tamat peperiksaan **PAT**, perlu membayar **50%** daripada Yuran Asrama **sehingga habis sesi persekolahan** (tiada makanan disediakan).

7.6 Jika ada tunggakan Yuran Asrama, tindakan akan diambil sama seperti tunggakan Yuran Pengajian, murid tidak dibenarkan tinggal di asrama sehingga tunggakan selesai dibayar.

#### 8. **Pertukaran kewarganegaraan**

8.1 Permohonan perlu disertakan salinan **Sijil Kewarganegaraan Malaysia** yang dikeluarkan oleh Pendaftar Besar Warganegara dan salinan **Kad Pengenalan** baru yang telah disahkan oleh Pengetua atau Guru Besar.

8.2 Perubahan kadar yuran adalah seperti berikut:

8.2.1 Yuran Pengajian – Perubahan kadar yuran daripada bukan warganegara kepada warganegara adalah pada bulan berikutnya **daripada tarikh** pengesahan Pengetua atau Guru Besar.

8.2.2 Yuran Persekolahan – Perubahan kadar yuran daripada bukan warganegara kepada warganegara adalah bermula pada **sesi baru persekolahan** iaitu **pada tahun** berikutnya.

9. Kementerian Pendidikan Malaysia (**KPM**) memberi **kebenaran** kepada pihak sekolah, **kenaikan** setiap yuran **persekolahan, pengajian** dan **asrama** tidak melebihi **30%** dalam tempoh **3 tahun** seperti jadual berikut:

<b>Sekolah</b>	<b>Tempoh</b>		
Johor Bahru	2020 – 2022	2023 – 2025	2026 – 2028
Batu Pahat	2021 – 2023	2024– 2026	2027 - 2029

10. Polisi ini adalah tertakluk kepada perubahan yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

Tarikh kemaskini : 16 Januari 2024